

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DI AKHBAR
SIRI KE-4/97**

TAJUK

**PERKAITAN BAHASA IRANUN DAN
BAHASA MELAYU - SATU KAJIAN AWAL**

Oleh

Zaiton Ajamain dan Muziat Yusof

pada

Julai 1997

PERKAITAN BAHASA IRANUN DAN BAHASA MELAYU - SATU KAJIAN AWAL

oleh Zaiton Ajamain dan Muziat Yusof,
DBP Cawangan Sabah, Malaysia

PENGENALAN

Bahasa ialah citra bangsa. Menurut Asmah Hj. Omar (1982: 92-93), penduduk di Malaysia terdiri daripada pelbagai aspek etnik dan linguistiknya. Biasanya latar belakang etnik satu-satu kumpulan itu memancarkan juga latar belakang linguistiknya. Sungguhpun bahasa-bahasa etnik yang terdapat di negeri Sabah ini dinyatakan berjumlah sekitar 83 bahasa (lihat King: 1984), satu jumlah yang cukup besar dan pelbagai, demikian halnya dengan kepelbagaian dan keanekaragaman penuturnya, namun demikian berdasarkan korpus bahasa yang kami kumpulkan, hipotesis kami ialah kita dari rumpun bahasa yang sama dari dunia yang sama, iaitu rumpun Melayu.

Kami yakin ahli dan ilmuan sejarah, politik dan kebudayaan telah dan sedang berusaha mengumpulkan data-data dan bukti-bukti konkrit untuk mengukuhkan andaian ini. Oleh itu, kami ingin pula mengemukakan hasil pemerhatian kami dari aspek bahasa melalui Linguistik Sejarawi atau *Historical Linguistic* dan Sociolinguistik, berdasarkan analisis terhadap korpus bahasa bagi bahasa Iranun yang terdapat di Kota Belud, Sabah, yang kami anggap relevan.

SKOP PERBINCANGAN/KORPUS

Kertas ini akan cuba memberi sedikit latar tentang masyarakat Iranun di negeri Sabah dan bahasanya secara umum. Sementara untuk menguatkan hujah-hujah, akan kami perturunkan huraian tentang dapatan-dapatan setelah analisis awal dibuat terhadap korpus yang terkumpul. Ini akan disokong oleh huraian teori khususnya Teori Gelombang (*Wave Theory*) yang dijangka relevan kepada hipotesis. Kajian-kajian awal akan dirujuk jika perlu untuk memperteguhkannya. Setelah itu, kami berharap akan dapat membuat rumusan.

Analisis kami buat berdasarkan korpus terkumpul berhubung kata berkaitan alam anggota tubuh badan, angka, dan kata umum. Pengumpulan memanfaatkan Daftar Kata Swadesh. Hasil temu bual dengan informan sebagai penutur asli bahasa Iranun juga dimanfaatkan di mana perlu.

MASYARAKAT IRANUN DAN BAHASANYA

Penempatan masyarakat Iranun di Sabah lebih tertumpu di kawasan pesisiran pantai Sabah iaitu di daerah Kota Belud (di Kampung Rampayan Laut, Merbau, Kulambai) di Pantai Barat; di Kudat (Inderasan Laut dan Marimbau Laut); dan di kawasan Pantai Timur (Tungku dan Barigas) di daerah Lahad Datu (lihat Lampiran untuk Peta Bahasa Iranun dipetik daripada Julie K. King dan John Wayne King (Ed.): 1984: 68).

Sehingga ke hari ini belum dapat dibuktikan dengan jelas asal usul sebenar masyarakat Iranun ini. Hal ini kerana masih berlaku percanggahan pendapat di kalangan sejarawan. Ada yang menegaskan bahawa berdasarkan perspektif sejarah, masyarakat Iranun berasal dari selatan Filipina. Pendapat ini disokong oleh terdapatnya dua kawasan utama penempatan awal masyarakat Iranun ini di Mindanao, iaitu di Tasik Lanao (dalam bahasa Iranun disebut *Maranao* atau *Ranio*) dan Teluk Illana (lihat Datu Bandira: 1992).

Pengkaji lain pula berpendapat bahawa masyarakat Iranun memang berasal dari Pulau Borneo sendiri. Andaian tentang penghijrahan mereka dari Pulau Borneo dibuat berdasarkan cerita-cerita pengembaraan dan adat resam yang tersimpan di Panay. Hal ini disokong pula oleh kewujudan dokumen tentang pembelian Pulau Panay pada abad ke-13 oleh 10 orang Datu dari Borneo (Datu Bandira: 1992:5).

Sungguhpun demikian, tumpuan kajian kami ialah melihat perkaitan bahasa Iranun dan bahasa Melayu dalam membuat hipotesis kami bahawa bahasa itu dari rumpun Melayu. Hal ini kerana, melihat dari perspektif linguistik, jika kita merujuk kepada pengelompokan bahasa-bahasa dunia, bahasa Iranun ini dikelompokkan di bawah bahasa Austronesia (Asmah Hj. Omar, 1982: 92-93). Menurut Asmah Hj. Omar lagi

“...Speakers of Austronesia languages are located in both Peninsular Malaysia and Borneo Malaysia, viz. Sabah and Sarawak...”

Meskipun rumpun bahasa Austronesia sudah sering dikaji oleh ahli-ahli linguistik sejak tahun 1784, pengelompokan bahasa-bahasa etnik yang terdapat di Sabah umumnya akan dibahagikan kepada beberapa rumpun, keluarga dan subkeluarga (lihat Daftar I di Lampiran), namun kami ingin mengandaikan bahawa etnik di Sabah ini dikelompokkan kepada Keluarga Bahasa - **Dusun, Bajau, Murut, Sungai, Suluk, Iranun dan Melayu Sabah.**

Hal ini demikian, berdasarkan kajian empirikal kami, kami dapati biasanya nama bahasa dan etnik dikaitkan dengan daerah atau kampung terdapatnya bahasa atau etnik itu dan “beragama” tidaknya mereka. Misalannya kata “Paitan” dalam keluarga Paitan (*Paitanic Family*) ialah nama sebuah kampung di Beluran, Sandakan yang terdapat ramai orang Sungai. Kata *Tambanua* itu pula membawa konotasi bermaksud orang atau

kelompok yang “tanpa agama” (*pagan*), seperti Kadazan Tambanua, Sungai Tambanua, sementara Sungai Paitan, Sungai Labuk, biasanya beragama Islam atau Kristian, yang tinggal di Paitan atau Labuk. Suatu tanggapan dan pengelompokan yang tidak wajar berlaku, walhal etnik-etnik berkenaan mampu berinteraksi dan berkomunikasi menggunakan bahasa mereka disebabkan kefahaman menyilang (*mutual intelligibility*). Demikian halnya dengan konsep yang dikaitkan dengan “bahasa Melayu” dan “orang Melayu”. Hal ini wajar mendapat kajian yang tuntas.

Persoalannya di sini ialah apabila bahasa Iranun itu dikelompokkan di bawah kelompok bahasa Austronesia, ia dikumpulkan juga di bawah bahasa-bahasa yang terdapat di kawasan kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) yang dikatakan sebagai meliputi negara Malaysia, Singapura dan Brunei, yang menggunakan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* atau bahasa perhubungan (lihat Asmah Hj. Omar 1982:1-2).

Berdasarkan sistem bunyi, iaitu sistem vokalnya, bahasa Iranun memiliki enam vokal, iaitu : **i,e, ê ,a,u** dan **o**, seperti yang terdapat dalam sistem bahasa Melayu. Sementara dari segi konsonannya, berdasarkan korpus terkumpul, bahasa Iranun mempunyai konsonan-konsonan berikut:

Plosif/Hentian	:	p,b,t,d,k,g,q
Nasal	:	m,n, ng, ny
Frikatif	:	h,s
Getaran	:	r
Sisian	:	l
Separuh Vokal	:	w,y

Jika dibandingkan dengan bahasa Melayu hampir semua konsonan yang terdapat dalam bahasa Melayu dimiliki oleh bahasa Iranun. Bezanya ialah bahasa Iranun tidak mempunyai afrikat **c** dan **j**, berbanding dengan bahasa Melayu, demikian halnya dengan frikatif uvular **R** (variasi bagi frikatif velar dalam dialek-dialek Melayu lain, dan **r** dalam bahasa Melayu baku) dan konsonan **z**.

PERBANDINGAN DAN PERKATAAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA IRANUN

Berdasarkan korpus kami, hipotesis kami ialah masyarakat di Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) ini serumpun, iaitu bangsa Melayu yang berbahasa Melayu. Dalam hal ini kami mengandaikan bahawa masyarakat Iranun itu ialah masyarakat Melayu, sementara bahasanya - bahasa Iranun itu, ialah subkeluarga bahasa Melayu, pencabangan

daripada bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana perubahan terjadi akibat berubah dan berkembang bahasa Proto Melayu, yang hari ini telah berkembang menjadi berbagai-bagai bahasa/dialek Melayu dan bahasa-bahasa etnik di Sabah.

Hipotesis tentang keserumpunan ini diperteguhkan lagi apabila kami merujuk kepada andaian yang dibuat oleh Asmah Haji Omar (1982: 12-13) iaitu:

“...The term Melayu (for “Malay”) among the ethnic groups in Malaysia and Indonesia is generally taken to mean one professing the religion of Islam... In Borneo (Sabah and Sarawak), the Muslim groups (inclusive of the Malays) consisting of the Melanau of Sarawak, and the Bajau, Suluk and Ianun of Sabah, are also known as Malays although they do not speak Malay as first language. Where Peninsular Malaysia is concerned, Malay and Islam are inseparable; the Malaysian Constitution defines a Malay as one who habitually leads the Malay way of life, speaks the Malay language and is a Muslim.”

Seperti sedia dimaklumi, seluruh masyarakat Iranun di Sabah beragama Islam (lihat Datu Bandira Datu Alang: 1992), sungguhpun mereka mempunyai identiti sendiri dan bahasa perhubungan di kalangan mereka yang berlainan, iaitu bahasa Iranun, mereka jelas tersenarai di bawah rumpun Melayu.

Dengan memanfaatkan Daftar Kata Swadesh, kajian empirikal kami bertujuan mengkaji sejauh mana medan makna bahasa Iranun - Melayu itu ada persamaan, kami telah memilih empat daftar kata yang kami anggap relevan berdasarkan penggunaan kata-kata tersebut mengikut masa dan domain yang berdekatan dengan alam persekitaran bagi kumpulan etnik yang kami kaji iaitu masyarakat Iranun, dengan mengumpul juga kata bahasa Bajau sebagai perbandingan, sebagaimana diperturunkan di bawah Daftar II, III, IV, dan V yang terdapat di Lampiran (lihat Lampiran).

Jika kita bersandar kepada pendapat Blust (lihat R.A. Blust 1986: 11-12) berkaitan prinsip kekeluargaan bahasa, bahawa jika berlaku kesamaan bentuk dan makna dalam dua bahasa misalannya, maka hal ini menunjukkan hubungan sejarah antara dua bahasa berkenaan. Beliau memberi contoh kata “beras” dalam bahasa Melayu bererti “padi yang sudah **digiling**”, dan **bigas** dalam bahasa Tagalog (Filipina) yang bermaksud “padi yang sudah **digiling-giling**”.

Menurutnya: “...semua bahasa yang tergolong dalam rumpun yang sama memang turun dari sumber yang sama...” dan “...semua bahasa kerabat semestinya terpancar dari satu sumber purba... satu bahasa purba yang sudah hilang diganti dengan bermacam-macam bahasa turunannya....”

Setelah menganalisa korpus kami, kami dapati sungguhpun terdapat perbezaan dari segi fonologi, hal ini tidak menjadi kendala ketika mengesan persamaan beberapa item leksikal dan sistem angka.

Satu hal yang cukup menarik ialah bahasa Iranun masih mengekalkan bentuk bahasa Melayu Purba bagi angka 1 (*isa* = *esa/isa*), 3 (*telo* = *telu*), 7 (*pito* - *piitu*), 8 (*walo* = *walu*) dan 9 (*siam* = *siwa*). Kata bagi angka 1,3,7,8 dan 9 itu dalam bahasa Melayu dan bahasa Iranun mungkin daripada turunan yang sama. Sungguhpun demikian, Asmah Hj. Omar (1985: 69-70) berpendapat bahawa bahasa Iranun (Ilanun) mempunyai persamaan dengan sistem yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Pada pendapat Asmah Hj. Omar:

“... pada asasnya bahasa-bahasa jenis Sabah mempunyai sistem enam - vokal yang berkembang dari sistem empat - vokal yang terdapat dalam bahasa Austronesia Purba, iaitu **i*, **e*, **a*, **u*. Bahasa Austronesia Purba tidak mempunyai *e* - taling dan *o*. Vokal *e* - taling itu muncul dari pemecahan fonemik yang berlaku pada **i*, dan *o* dari pemecahan **u*. Dalam perkataan lain, **i* pada satu waktu dalam sejarah perkembangan bahasa Austronesia berpecah dua menjadi *i* dan *e*, dan **u* berpecah menjadi *u* dan *o*. ... Pemecahan **e* menghasilkan *e* dan *ê*, ...**o* kepada *o* dan *ô*...”

Hal ini dapat dikesan dalam korpus yang telah kami analisis. Berdasarkan item leksikal pula, dalam analisis kami, kami dapati persamaan yang cukup dekat bagi kata-kata berikut (untuk senarai lengkap lihat Daftar VI di Lampiran):

Bahasa Iranun	Bahasa Melayu
kaludan	laut
aik	air
uran	hujan
ulan	bulan
raun	daun
tanggila	telinga
nyirung	hidung
begas	beras
basa	bahasa

Dapatan ini disokong lagi oleh sebuah puisi klasik masyarakat Iranun yang telah kami kumpul melalui kajian ini (informan: Naddin Sahidin, Kota Belud) berkaitan peristiwa penghijrahan masyarakat Iranun:

Bahasa Iranun	Terjemahan Bahasa Melayu
<p>“...<i>sakembu ako ganat</i> <i>sa daked ami inged</i> <i>lemaginding su sampan</i> <i>dii kaludan dii kilid</i> <i>buludtu teminikang</i> <i>limpumpungan o palau</i> <i>awan manarigidi</i> <i>inon pen dirido</i> <i>di ron ka sarinoan...</i>”</p>	<p>“...ketika aku meninggalkan negeri milik kami sampan meluncur laju sama ada di tengah atau di tepian laut pelangi melintang di banjaran bukit dan awan yang berarak menyelubungi kegelapan kerana tidak mengizinkanku...”</p>

RUMUSAN

Dalam usaha menyusur galur perkaitan kekeluargaan antara bahasa-bahasa berbeza, kewujudan kognat (*cognates*) dikenal pasti. Biasanya dalam sekumpulan bahasa yang berkaitan, kita akan menemui persamaan yang tinggi dalam kumpulan bentuk istilah. Misalannya satu kognat bagi satu kata dalam sesebuah bahasa, ialah satu kata dalam bahasa lain yang mempunyai bentuk yang sama, sedang atau telah digunakan dengan makna yang sama. Sebagai contoh bentuk *mother*, *father* dan *friend* dalam bentuk bahasa Inggeris, adalah kognat bagi *mutter*, *vater* dan *freud* dalam bahasa German. Berdasarkan ini, diandaikan bahawa bentuk dalam bahasa Inggeris dan German mungkin mempunyai turunan yang sama yang dilabelkan sebagai *Germanic Branch of Indo-European*, (lihat George Yule: 1985: 169-177), seperti juga contoh berikut:

Spanish *madre padre amigo*

Italian *madre padre amico*

yang diandaikan sebagai petanda kepada turunan yang sama. Oleh itu maklumat berhubung pasangan kognat itu boleh digunakan untuk rekonstruksi (*reconstruction*) bentuk proto atau purbanya.

Asasnya ialah “...*if, in a cognate set, 3 forms begin with [p] sound and one form begins with a [b] sound...*” (lihat George Yule), bolehlah diandaikan bahawa sebahagian

besar mengekalkan bunyi asal iaitu [p] sementara sebahagian kecil telah melalui masa dan berubah sedikit. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan perubahan biasa, seperti bunyi vokal yang terletak di akhir kata akan hilang, bunyi tanpa suara menjadi bersuara, hentian menjadi frikatif (di bawah keadaan-keadaan tertentu), dan konsonan menjadi tanpa suara di akhir kata.

Oleh itu, bagi kata “laut” dalam bahasa Iranun, bukan saja berlaku gejala matatesis, iaitu proses perubahan bunyi yang melibatkan pertukaran tempat antara dua bunyi, rentetan bunyi atau suku kata dalam *keludan* bagi “laut” dan *tanggila*, bagi “telinga”, tetapi penggantian bunyi konsonan tanpa suara [t] menjadi [d], konsonan bersuara, demikian juga penggantian bunyi dalam “bicara” dengan bunyi [ti] dalam *bitiara*. Sungguhpun demikian, kedua-dua kata yang dijadikan contoh ini masih boleh dikenal pasti dan maknanya difahami.

Berdasarkan huraian di atas, kemudian korpus berikut:

KATA	BAHASA	MAKNA
Beras	Melayu	padi yang sudah digiling
Begas	Iranun	padi yang sudah ditumbuk
Wagas	Bisaya	- sama -
Wagas	Dusun Lotud	- sama -
Vagas	Kadazan Penampang	- sama -
Buas	Bajau	- sama -

sungguhpun berlaku perubahan makna dalam kata “beras” misalannya, iaitu “sudah digiling”, menjadi “sudah ditumbuk” dalam bahasa Iranun (*begas*), Bisaya dan Dusun Lotud (*wagas*), Kadazan Penampang (*vagas*), dan Bajau (*buas*), tetapi hipotesis awal yang boleh kita buat ialah wujudnya bentuk yang boleh dianggap purba itu *g. Hal ini disokong lagi dengan ketiadaan bunyi *r* dalam sistem bunyi bahasa-bahasa berkenaan. Ia sama ada dihilangkan seperti dalam *buas* bagi bahasa Bajau atau dikekalkan dengan bunyi [g] dalam bahasa-bahasa lain yang tersenarai itu.

Menurut Asmah:

“...bahasa berpisah satu sama lain secara beransur-ansur dan sesudah berpisah itu berlaku pertembungan timbal balik antara satu sama lain, seperti halnya dengan gerak gelombang...”

(lihat Asmah Hj. Omar: 1985)

Hal ini telah diutarakan oleh Wilhelm Schmidt (Asmah Hj. Omar: 1985: 104-105) melalui Teori Gelombang atau *Wave Theory* yang diibaratkan seperti menjatuhkan seketul batu ke dalam air. Menurut Schmidt, bahasa induk atau purba dengan dialek-dialeknya ialah tempat batu tadi jatuh, sementara lingkaran ombak yang terdapat di sekeliling sekitaran itu merupakan bahasa-bahasa yang baru berkembang dari dialek-dialek, sedangkan lingkaran seterusnya merupakan bahasa yang sudah lama perpisahannya (Asmah Hj. Omar: 1985:105).

Demikian halnya antara bahasa Melayu dan bahasa Iranun. Sungguhpun masih terdapat persamaan, sudah mula juga terdapat perbezaan yang boleh dianggap akibat inovasi perubahan atau pengekaln, akan tetapi makna masih sama, seperti dalam kata *seda* (ikan), *lesaigh* (sungai), *buook* (rambut), *limah* (tangan), sungguhpun terdapat perubahan bentuk.

Hal ini boleh dijelaskan melalui huaian berkaitan pengertian “Melayu” itu sendiri dan ungkapan “masuk Melayu” itu. Hal ini berkait konotasi politik dan perlembagaan. Walaupun masyarakat Iranun itu beragama Islam, oleh itu berdasarkan tafsiran Perlembagaan Malaysia tergolong di bawah kelompok Melayu, tetapi mereka tetap menggelar diri mereka orang Iranun, dan sesama sebangsa atau sekeluarga menuturkan bahasa Iranun sebagai bahasa utama mereka.

Pada masa yang sama juga, jika ditinjau dari aspek sociolinguistik pula, masyarakat Iranun ini ialah masyarakat atau komuniti yang bersifat *close-net*, masyarakat yang mengamalkan konsep tertutup melalui sistem “...hubungan sosial yang amat erat, yang terikat oleh tali persaudaraan yang amat intim, dilandaskan kepada sistem kerjasama dan gotong royong...” (lihat Datu Bandira : 1992:1). Hal ini jelas bagi maksud kata *Iranun* itu sendiri yang bermaksud “berkasih-kasih”, yang bagi tanggapan kami mempengaruhi budaya masyarakat Iranun itu. Sistem kekerabatan yang cukup teguh ini juga mempengaruhi dan memberi kesan kepada hal-hal yang menyangkut kebiasaan berbahasa mereka.

KESIMPULAN

Menurut Datu Bandira bin Datu Alang (1992: 79 - 80):

“...Proses modenisasi yang berkembang dan melibatkan banyak masyarakat meluaskan lagi hubungan sosial masyarakat Iranun dengan kaum-kaum lain di negara ini (Malaysia). Perhubungan yang lebih luas ini membuahkan perkahwinan campur antara masyarakat Iranun dengan kaum-kaum lain tadi. Bagi kaum-kaum bukan Islam seperti Dusun, Rungus atau Cina yang berkahwin dengan Iranun mereka haruslah memeluk (agama) Islam terlebih dahulu. Malah, mereka ini diwajibkan mengamalkan tatacara hidup Iranun termasuk menggunakan bahasa Iranun. Rata-rata, kaum bukan Islam yang berkahwin dengan Iranun dapat diasimilasikan daripada kehidupan asalnya untuk menjadi seorang Iranun. Bagi kaum-kaum lain yang beragama Islam dan berkahwin pula dengan orang Iranun, biasanya bergantung kepada keadaan. Sekiranya si suami Iranun maka secara langsung isterinya menjadi Iranun... Sebaliknya, jika perempuan Iranun pula yang berkahwin dengan kaum lain, maka bergantunglah kepada kekuatan pengaruh keluarga si perempuan tadi ke atas suaminya. Walaupun terdapat perempuan Iranun yang dapat mempengaruhi suaminya menjadi Iranun, tetapi banyak juga kes perempuan Iranun yang akur kepada suaminya...”

Berdasarkan kenyataan tersebut, kita dapat membuat hipotesis bahawa masyarakat Iranun berinteraksi sesamanya menggunakan bahasa Iranun. Oleh hal yang demikian, kemungkinan bahasa Iranun itu menerima perubahan akibat pertembungan bahasa-bahasa lain cukup minima. Oleh itu dapatlah kita mengandaikan bahawa sungguhpun terdapat perbezaan daripada aspek fonologi, morfologi dan semantik bahasa Iranun itu dengan bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain dalam rumpun Melayu, dengan andaian bahawa kemungkinan ia mengekalkan bahasa turunannya berdasarkan hipotesis di atas, disokong pula oleh kesamaan-kesamaan yang ketara, bahasa Iranun itu ialah sebahagian daripada kelompok bahasa Austronesia di bawah keluarga Melayu. Maka bagi Malaysia yang berada dilingkungan *Malay Archipelago* ini, bahasa Iranun itu tersenarai sebagai subkeluarga bahasa Melayu, oleh itu jelaslah ia berkaitan dengan bahasa Melayu. Kewajarannya sebagai Rumpun Melayu juga berasas.

BIBLIOGRAFI

- Anwar Sullivan & Praticia Regis, "Demography" dalam Anwar Sullivan, Cecilia Leong, (Ed.), 1981. *Comemorative History of Sabah, 1881 - 1981*. Sabah: Sabah State Government. Hal. 545-579.
- Asmah Hj. Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1985. *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danny D. Steinberg, 1990, *Psikolinguistik Bahasa Akal Budi dan Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datu Bandira Datu Alang, 1994. *Iranun Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datu Bandira Datu Alang, 1986. "The Iranun Tribe of Sabah: A General Perspective". Kertas kerja untuk Simposium Dunia Melayu di Mindanao State University, Marawi, Filipina: 31 Mac - 6 April 1996.
- George Yule, 1985. *The Study of Language*. Cambridge: Cambridge University Press. Hal. 169 - 177.
- James T. Collins, 1986. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins, 1986. *Bibliografi Dialek Melayu Di Pulau Borneo*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J.K. Chambers/Peter Trudgill, 1990. *Dialektologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R.A. Blust/James T. Collins, 1986. *Penyusunan Salasilah Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Julie K. King, John Wyne King (Ed.), 1984. *Languages of Sabah: A Survey Report*. Canberra: Pasific Linguistics, The Australian National University.

Mohd. Thani Ahmad, Zaini Mohamed Zain (Penyelenggara), 1988. *Rekonstruksi dan Cabang-cabang Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: DBP.

Theodora Bynon, 1983. *Historical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.

DAFTAR I

A (Sumber: Lihat Asmah Hj. Omar: 1983)	B (Lihat Sil, 1980)
1. Bajau - Bajau Darat, Bajau Laut	1. Keluarga Jawa
2. Bisayah	2. Lundayu
3. Dusun/Kadazan	3. Banggi
4. Ilanun	4. Illanun
5. Lun Dayeh	5. Suluk
6. Murut	6. Subkeluarga Bugis
7. Paitan	7. Subkeluarga Ida'an
8. Suluk	8. Keluarga Melayu (Kokos, Brunei, Kedayan, Iban)
9. Melayu (Brunei, Kedayan).	9. Keluarga Bajau (<i>West Coast/East Coast Bajau</i>)
	10. Rumpun Borneo - Keluarga Paitan - Keluarga Murut - Keluarga Dusun

DAFTAR II

Kata Yang Ada Kaitan Dengan Alam			
Bil.	Bahasa Iranun	Bahasa Bajau	Bahasa Melayu
1.	Lupah	Tana'	Tanah
2.	kaludan	delaut	laut
3.	pulau	pulou	pulau
4.	seda	diing	ikan
5.	lesaigh	suang	sungai
6.	aik	boeh	air
7.	uran	uran	hujan
8.	ulan	buan	bulan
9.	raun	daun	daun
10.	pohon	pohon	pohon
11.	bunga	bungo	bunga

DAFTAR III

Kata Yang Ada Kaitan Dengan Anggota Tubuh Badan			
Bil.	Bahasa Iranun	Bahasa Bajau	Bahasa Melayu
1.	kinuku	kuku	kuku
2.	guus	gusi	gusi
3.	mata	moto	mata
4.	tanggila	telingo	telinga
5.	buook	buuk tokok	rambut
6.	limah	tangan	tangan
7.	aiq	betis	kaki
8.	nyirung	hurung	hidung

DAFTAR IV

Kata Bilangan (Angka)				
Bil.	Bahasa Iranun	Bahasa Bajau	Bahasa Melayu Purba	Bahasa Melayu
1.	isa	sa	esa/isa	satu
2.	dua	duo	-	dua
3.	têlu	telu	telu	tiga
4.	paqat	(ê)mpat	-	empat
5.	lima	limo	-	lima
6.	ênam	ênom	-	enam
7.	pitu	pito	piitu	tujuh
8.	walu	waau	walu	lapan
9.	sigaw	siam	siwa	sembilan
10.	sapuluh	sêpu	-	sepuluh

LAMPIRAN

DAFTAR V

Kata Umum			
Bil.	Bahasa Iranun	Bahasa Bajau	Bahasa Melayu
1.	begas	buas	beras
2.	minem	nginum	minum
3.	basa	bahasa	basa (Melayu Purba) bahasa
4.	laup	loup	corak
5.	dempas	tipo	tikar
6.	lantay	dasar	lantai
7.	radia moda	-	raja muda
8.	laila'	-	lela (Melayu Purba) meriam
9.	adden	unn	ada
10.	manok	manuk	ayam
11.	kamsin	-	kamsen (dalal)
12.	turug	turi	tidur
13.	tutup	tumbol	tutup
14.	papanok	burung	burung
15.	bitiara	bosoroh	bicara
16.	bangsa	bangso	bangsa
17.	bayuk	biduk	biduk

DAFTAR VI

Basa Iranun	Bahasa Melayu
kaludan	laut
pulau	pulau
aik	air
uran	hujan
ulan	bulan
raun	daun
pohon	pohon
bunga	bunga
kinuku	kuku
guus	gusi
mata	mata
tanggila	telinga
nyirung	hidung
begas	beras
minem	minum
basa	bahasa (Melayu Purba basa)
lantay	lantai
laila'	lela
adden	ada
bitiara	bicara
bangsa	bangsa
bayuk	biduk

LAMPIRAN

LAUT CHINA SELATAN

LAUT CINA SELATAN

LAUT SULU

Peta Bahasa Iranun

PETA BAHASA IRANUN

★ Pusat Kajian

● Perkampungan Iranun